# BURSA MALAYSIA BERHAD

## Aduan Terhadap Syarikat Tersenarai Awam

Borang ini bertujuan untuk memudahkan proses mengemukakan aduan dengan Bursa Malaysia Berhad (Bursa Malaysia), oleh pelabur terhadap Syarikat Tersenarai Awam (PLCs) di Malaysia. Pelabur digalakkan, pertama sekali, untuk menyelesaikan secara baik apa-apa perselisihan faham secara langsung dengan PLC yang berkenaan.

**1. Bagaimana untuk mengemukakan aduan?**
Anda boleh mengemukakan aduan dengan memuat turun dan melengkapkan Borang Aduan dan menghantarnya menerusi faks atau mengirimkannya kepada:

Pusat Perkhidmatan Pelanggan
Bursa Malaysia Berhad
Tingkat Bawah, Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur

**2. Apa yang perlu ada dalam aduan tersebut?**
Aduan hendaklah memuatkan maklumat yang membolehkan penilaian sewajarnya terhadap aduan berkenaan termasuk perkara-perkara berikut:

- Nama pengadu, alamat, e-mel dan nombor telefon
- Nama, alamat, nombor telefon dan alamat laman web (jika ada) bagi pihak yang disebut di dalam aduan.
- Butiran terperinci bahagaimana, mengapa dan bila sesuatu perkara yang diadukan tersebut berlaku.

**3. Apa yang berlaku selepas aduan dikemukakan?**
Setiap aduan akan dikaji dan dinilai untuk dirujuk kepada unit yang sewajarnya dalam Bursa Malaysia. Jika kemungkinan pelanggaran dikesan, perkara tersebut akan dirujuk kepada Jabatan Penyiasatan. Penyiasatan ke atas sesuatu aduan akan dilakukan secara sulit untuk memelihara proses penyiasatan dan tidak akan didedahkan kepada pengadu.

**4. Berapa lamakan tempoh penyelesaian?**
Penyiasatan ke atas aduan anda mungkin mengambil masa selama beberapa hari hingga beberapa bulan, bergantung kepada kerumitan kes berkenaan. Bagi memastikan penyelesaian yang pantas, sila pastikan bahawa semua dokumentasi yang ada berhubung aduan anda dikepilkan bersama dengan borang aduan standard.

**Para pengadu digalakkan menghubungi Talian Perkhidmatan Pelanggan di 03-2732 0067 jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berhubung perkara ini.**

### BORANG ADUAN

**A. Butiran Pengadu**

Nama (Mengikut KP/Pasport/ dokumen pendaftaran) : ______________________
______________________

No. KP Lama : [ ][ ][ ][ ][ ][ ][ ][ ][ ]

No. KP Baru : [ ][ ][ ][ ][ ][ ] – [ ][ ] – [ ][ ][ ][ ]

Bangsa : ______________________

Warganegara : ______________________

Alamat Berdaftar (Mengikut KP/Pasport/ dokumen pendaftaran) : ______________________
______________________
______________________

Alamat surat-menyurat : ______________________
______________________
______________________

No. Telefon (Rumah) : ______________________

No. Telefon (Pejabat) : ______________________

No. Telefon Bimbit : ______________________

No. Faks : ______________________

E-mel : ____ : ______________________

**B. Bentuk Aduan**
*(Tandakan **(X)** di mana sesuai)*

- [ ] Terhadap Syarikat Pembrokeran Saham/ Hadapan
- [ ] Terhadap Bursa Malaysia
- [ ] Terhadap Wakil Jualan/Remiser
- [ ] Terhadap Pendaftar Saham/Gedung Penerbit
- [ ] Terhadap Syarikat Tersenarai Awam
- [ ] Lain-lain, sila nyatakan ______________________